

Kumpulan *Dauntless* muncul johan Clash of Bands UMSKAL 2015

UB 19.11.2015 B14

KUMPULAN *Dauntless* muncul johan Clash of Bands UMSKAL 2015 sempena Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015 – RTM Labuan yang diadakan baru-baru ini. Lagu ‘Cinta Mu Mekar Di Hati’ dan ‘Ingatkan Dia’ menerusi penyanyi utamanya Senawi Saminan menyaksikan kumpulan itu memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.

Naib johan Kumpulan *Evolution Project* dan ketiga Kumpulan *The Chapter Six* yang mewakili UMSKAL, masing-masing menerima RM500 dan RM300.

Lagu ‘Jeritan Batinku’ dan ‘Sejati’ disampaikan oleh Kumpulan *Evolution Project* manakala Kumpulan *The Chapter Six* menyanyikan lagu ‘Hello’ dan ‘Can’t Take My Eyes Off You’.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan hadiah kepada pemenang di Tapak Pesta/ Padang Kawad UMSKAL.

Turut hadir, Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Pengarah Pelajar Tamu Gadang Izzaliana Teo dan Pemantau Pelajar Tamu Gadang Tang Chew Nann.

Pertandingan itu diadakan oleh penyanyi Kumpulan *May Mus*, Prof Madya Dr Mahmud Sudin (Fakulti Sains dan Sumber Alam) dan Cikgu Fadzli Fariz Adnan dari Sekolah



CLASH of Bands diadili (dari kiri) Fadzli, Dr Mahmud dan Mus May.

Menengah Sains Labuan. Turut menyertai pertandingan itu ialah Kumpulan *Victland Band*, *Steel Dragon* dan

Kumpulan *Kichai Ping Buskers*.

Pertandingan Clash of Bands menampilkan bakat-bakat yang terpendam

bukan sahaja kumpulan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan tetapi juga pelajar UMSKAL sendiri.

MURNIZAM (4 kiri) menyampaikan hadiah kepada Kumpulan *Dauntless* yang menjuarai Clash of Bands UMSKAL 2015. Turut kelihatan Geoffrey (kiri).



TEMPAT ketiga dimenangi Kumpulan *The Chapter Six*.



NAIB johan Kumpulan *Evolution Project*.